

# **RREEMASON MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Zakaria @ Mahmud Daud  
Fakulti Usuluddin Akademi Islam  
Universiti Malaya

*This article studies the activities of the Freemason and describes views of the Ulama regarding the group. The study is based on several sources as indicated.*

## **Pendahuluan**

Masih ramai orang Islam, samada di Malaysia atau di tempat-tempat lain yang belum mengetahui apakah sebenarnya Freemason itu, sehingga ada sebahagian mereka belum pernah mendengar perkataan itu disebut orang. Kerana itu apabila perkataan Freemason disebut atau dibicarakan tidak ramai yang mengambil kisah mengenainya. Di samping itu bagi yang pernah mendengarnya ada yang mengatakan Freemason adalah sebuah pertubuhan kebaikan yang membela ahli-ahlinya di mana sahaja mereka berada. Manakala sebahagian yang lain pula mengatakan ia adalah pertubuhan yang ditaja oleh Yahudi untuk mempengaruhi umat manusia seluruhnya supaya menyokong mereka sehingga cita-cita mereka bagi menguasai dunia seluruhnya tercapai. Apakah kenyataan di atas itu benar atau ia hanya sekadar dakwaan semata-mata. Untuk itu, di bawah ini penulis cuba menjelaskan hakikatnya yang sebenar, perancangan-perancangan dan ajarannya serta pandangan ulama Islam.

## **Pengertian Freemason Atau Freemasonry**

Dilihat dari segi bahasa, perkataan Freemasonry terdiri dari tiga rangkai atau tiga bahagian;<sup>1</sup> pertama perkataan Free, bererti bebas, tidak terikat oleh apa-apa jua pun; manakala perkataan; Mason pula bererti pekerja secara umum dan pekerja mendiri rumah batu. Perkataan; Ry, menunjukkan nisbah kepada jabatan atau pekerjaan.

Jadi gabungan dari ketiga-tiga rangkaian atau bahagian itu jelaslah bahawa Freemasonry atau Pertubuhan Freemason bermaksud perkumpulan para pembina rumah atau tukang-tukang bina rumah batu yang bebas tidak terikat dengan apa-apa jua ikatan atau persatuan.

Manakala Freemason yang terkenal sekarang ini berbeza dari apa yang disebut di atas. Ia adalah satu pertubuhan rahsia Yahudi yang tersusun rapi diasaskan oleh pendita-pendita Yahudi bertujuan untuk menegakkan kekuasaan dan kerajaan Zionis Yahudi. Gerakan ini membawa slogan dan semboyan "Kebebasan, Persaudaraan dan Persamaan (atau sama rata)."<sup>2</sup>

Untuk lebih jelas di bawah ini diterangkan apakah sebenarnya pertubuhan Freemason itu?

### **Pertubuhan Freemason Yang Sebenar**

Freemason adalah sebuah pertubuhan sulit Yahudi yang mempunyai hubungan rapat dengan gerakan Zionis Antarabangsa.<sup>3</sup> Kegiatannya berpandukan kepada ajaran-ajaran kitab suci Yahudi. Ia ditubuhkan antara lain untuk membela kepentingan mereka serta mahu mengembalikan semula kerajaan Yahuza atau kerajaan Yahudi dan seterusnya menakluki atau menguasai dunia seluruhnya.

Perancangan sulit mereka pada awalnya dirahsiakan di dalam kitab-kitab Talmud dan Protokol Pendita Zionis, tetapi rahsia tersebut akhirnya terdedah kepada umum. Setelah itu Zionis Antarabangsa melakukan perancangan baru dengan menuju beberapa pertubuhan sulit yang lain seperti Kelab Rotary dan

---

<sup>1</sup>Dr. Abdul Rahman Umairah; *al-Mazahib al-Muasirah Wa Mauqiful al-Islam Minha, Dar al-Liwa*, Riyadh, 1978.

<sup>2</sup>Dr. Sabir Ta'imah, *al-Masunah Zalika al-Alam al-Majhul*, dar al-Jail, Beirut, 1979, hal. 15.

<sup>3</sup>Fathi Yakan, *Dunia Islam Dan Tipu Daya Antarabangsa* (terjemahan), Pustaka Fajar Kuala Lumpur, 1986, hal. 97.

Kelab Lions di samping meneruskan gerakan Freemason tersebut.

Kelab Rotary dan Kelab Lions di samping menjalankan aktiviti kebajikan, membantu orang-orang yang memerlukan bantuan dan sebagainya, ia juga bergerak untuk meruntuhkan akhlak bangsa bukan Yahudi. Manakala Bahai pula berfungsi menyesatkan akidah umat manusia. Bahai Press yang bertempat di Amerika berfungsi untuk menyerapkan politik Yahudi di institut pengajian tinggi termasuk di Universiti Harvard. Dr. Henry Kissinger seorang Yahudi yang berperanan penting di dalam politik di zaman Presiden Nixon telah berjaya mendidik lebih dari 600 orang tokoh dunia di universiti tersebut, antaranya Zegal Alon dari Israel, Yasuhiro Nakonara (Menteri Jepun), Liyutand Mamiz, Perdana Menteri Bulgaria, Ezhar Eblor, Timbalan Menteri Ekonomi Jerman Barat dan lain-lain lagi.

Anak-anak organisasi tersebut berusaha mempengaruhi dan memperalatkan tokoh-tokoh pemimpin dunia bagi mencapai cita-cita Zionis untuk menghancurkan masyarakat bukan Yahudi. Ramai di antara pemimpin dunia telah dapat diperalatkan oleh Freemason seperti Martin Luther, Anderson, Mustafa Kamal Attartuk Turki, Fruid, Napolean I, Lord Cromer, Wilson, Hussien at-Tuhami (Mesir), Lee Kuan Yew (Singapura), Habib Bolghiriba (Tunisia) dan lain-lain lagi, di mana tangan-tangan mereka yang mencengkam kuat dan membendung kebangkitan Islam sejagat.<sup>1</sup>

Untuk mengetahui dengan lebih jelas lagi tentang pertubuhan Freemason, di bawah ini di bawa beberapa petikan pendapat pemimpin-pemimpin Freemason dan orang lain mengenai hakikat sebenar pertubuhan tersebut.

Pada tahun 1889 satu persidangan besar telah diadakan sempena memperingati Revolusi Francis. Di dalam persidangan, satu kenyataan diumumkan berbunyi:

"Matlamat gerakan Freemason adalah untuk mendirikan pemerintahan yang tidak mempercayai adanya Tuhan"<sup>2</sup>

Profesor `Iwad al-Khuri di dalam bukunya "Tabdid az-Zalam" memetik kata-kata dua orang ketua pertubuhan Freemason yang diucap di dalam majlis pembukaan penubuhannya bagi menjelaskan matlamat dan tujuannya yang sebenar. Seorang dari ketua itu berkata:

---

<sup>1</sup>Hamdan Muhammad, *Siapakah Tagħut*, Pustaka Damai, Terengganu, 1986, hal. 137-140.

<sup>2</sup>Muhammad Safwah as-Saqa amini dan as-Sa'adi Abu Habib, *al-Masuniah*, Rabitan 'Alam Islami, 1980, hal. 93.

"Bahawa matlamat ia ditubuhkan ialah untuk mengembalikan dunia ini kepada orang Yahudi dan menentang ajaran Yusuk (Isa alaihis salam)"

Manakala seorang lagi berkata:

"Pertubuhan ini mesti ditegakkan walaupun dengan pembunuhan dan mesti melakukan segala perkara yang ditegah demi untuk menjaga dan mengawal kedudukan agama Yahudi"<sup>1</sup>

Dr. Muhammad Ali az-Za'bi, seorang ahli sejarah Islam menjelaskan hakikat Freemason yang sebenar, katanya:

"Freemason adalah perangkap samar yang berada di tangan orang Yahudi untuk memerangkap pembesar-pembesar negara dunia (Timur dan Barat) dan untuk menipu bangsa-bangsa dunia yang lalai dan rakyat-rakyat yang jahat. Freemason satu organisasi bahaya yang tersembunyi di sebalik slogan dan semboyan atau lambang-lambang rahsia (yang tidak diketahui oleh orang). Dia adalah sebagai sebilah pisau tajam yang disimpan atau disembunyikan oleh orang-orang Yahudi di dalam hati seluruh bangsa-bangsa di dunia berkurni-kurni lamanya dengan diberi memakai pakaian (atau dilahirkan dengan) slogan "Kebebasan, Persaudaraan dan Persamaan", sendangkan tujuan sebenar organisasi atau pertubuhan ini untuk mengembalikan semula Kerajaan Yahudi dan untuk melatih bijak pandai mereka bagi tujuan tersebut."<sup>2</sup>

Kemudian Dr. az-Za'bi menambah lagi:

"Sebenarnya Freemason asal lahirnya dari Yahudi, kerana itu ia bijak menipu dan berbohong."<sup>3</sup>

Selain dari itu Dr. Ali Jarisyah pula menyebut bahawa pertubuhan Freemason ditubuh bertujuan untuk menghapus semua agama langit (selain

---

<sup>1</sup> Muhammad Mahmud as-Sawwaf, *al-Mukhattatat al-Isti'mariyah Li Mukafahah al-Islam*, Dar al-Itisara, t.t. hal. 208.

<sup>2</sup> Muhammad Safwah as-Saqa Amini, *op.cit*, hal. 25.

<sup>3</sup> *Ibid.*, hal. 26.

agama Yahudi) dan ingin menguasai serta memerintah seluruh dunia.<sup>1</sup>

Pada tahun 1866 seorang pendita Yahudi Dr. Laeacwise menjelaskan tentang Freemason, katanya:

"Freemason adalah organisasi Yahudi samada dilihat dari segi sejarahnya, pengajarannya, kalimah-kalimah rahsia yang ada di dalamnya dan lain-lain lagi, dari awal hingga akhir semuanya Yahudi".<sup>2</sup>

Dari beberapa petikan di atas jelaslah bahawa Freemason adalah salah satu gerakan sulit Yahudi yang ditaja oleh cerdik pandai mereka untuk menguasai dunia dengan cara menarik seramai mungkin bangsa-bangsa lain supaya mengikuti mereka. Mereka melakukan propaganda yang lahirnya nampak baik dan berguna untuk semua orang iaitu "Kebebasan, Persaudaraan dan Persamaan atau sama rata".

Ketiga-tiga slogan ini - bagi yang tidak tahu hakikat sebenar pertubuhan Freemason - akan tertarik dan terus masuk menjadi ahlinya. Dan dari apa yang dapat dikesan memang ramai pembesar dunia Islam dan bukan Islam menjadi ahli pertubuhan ini. Di samping itu mereka menggunakan lambang-lambang rahsia yang tidak diketahui oleh orang ramai.

Apa yang disebut di atas adalah hakikat sebenar pertubuhan Freemason, dan itulah matlamat dan tujuan yang dirahsiakan oleh mereka, tetapi jika dilihat kepada matlamat dan tujuan lahir, lain pula keadaannya. Dari segi lahirnya Freemason dianggap sebagai pertubuhan yang berguna kepada ahli dan masyarakat umum seluruhnya, ia dianggap satu pertubuhan kebajikan dan sukarela berkhidmat untuk kepentingan orang ramai, mengeratkan ikatan persaudaraan dan kasih sayang di antara sesama anggota serta mengajak dan memberangsang mereka melakukan kerja-kerja kebajikan dan sukarela di samping untuk membantu golongan-golongan yang lemah dan yang memerlukan bantuan.<sup>3</sup>

Slogan-slogan yang ditonjolkan di atas semata-mata bertujuan untuk menarik seberapa ramai pembesar dan pemimpin-pemimpin dunia supaya

---

<sup>1</sup>Dr. Ali Jarisyah, *al-Ittijahat al-Fikriyah al-Mu'asirah*, Dar al-Sara' Mesir, 1987, hal. 258.

<sup>2</sup>Ibid, Dr. Ali Abdul Halim Mahmud, *al-Ghazwu al-Fikri wa Atharuhu Fi al-Mujtama'* *al-Islami al-Mu'asir*, Dar al-Buhuth al-Ilmiah, 1979, hal. 201.

<sup>3</sup>Dr. Ahmad Syalabi, Muqaranah al-Adyan; *al-Yahudiyyah*, Maktab an-Nahdah, Mesir, 1976, hal. 233.

memasuki menjadi ahli Freemason. Dan ini memang telah berjaya.

Di dalam perlombagaan pertubuhan ini menyebut tujuan lahiriah yang baik-baik itu, di samping meminta ahli-ahlinya kasihkan kepada orang ramai, selalu menjaga kebersihan diri, menghormati orang-orang luar yang bukan ahli anggotanya, menghormati dan bertimbang rasa kepada kaum perempuan serta mengelak diri dari perbalahan dan perselisihan faham.<sup>1</sup> Sebab itu ramai dari ahli peringkat permulaan yang setia dan patuh kepada peraturan dan arahan, mendapat pembelaan yang baik dari pihak pertubuhan, ramai dari mereka ditonjol menjadi pemimpin, dinaikkan pangkat yang lebih tinggi dan kedudukan yang istimewa dan sebagainya. Ini semua boleh menambah keyakinan ahli-ahli yang terlibat kepada pertubuhan itu. Dengan ini Freemason dapat menarik ramai pembesar di beberapa buah negara di dunia turut menjadi ahli pertubuhan itu dan mereka itu tidak nampak yang ia adalah satu gerakan atau pertubuhan sulit Yahudi.

### Kelahiran Freemason

Tidak diketahui dengan jelas bilakah pertubuhan Freemason dilahirkan dan siapakah pengasasnya. Ahli-ahli sejarah berselisih pendapat mengenai kelahirannya. Ada yang mengatakan kelahirannya ada kaitan dengan zaman Firaun, yang lain mengatakan ia mula lahir sewaktu membina Haikal Sulaiman, yang lain lagi mengatakan ia lahir di sekitar tahun 1616 Masihi, dan ada pula yang mengatakan ia lahir di sekitar kurun kelapan belas Masihi dan sebagainya.<sup>2</sup>

Bagi Dr. Ali Jarisyah pula, beliau menjelaskan mengenai kelahiran dan perkembangan Freemason di dalam tiga peringkat iaitu:<sup>3</sup>

#### 1) Peringkat Pertama:

Peringkat pertama bermula di awal kurun pertama Masihi sewaktu Raja Herodos II memerintah kaum Bani Israel. Waktu itu dikatakan pendita-pendita Yahudi dapat tahu dari orang-orang Parsi tentang kelahiran Nabi Isa a.s. membawa agama Kristian dan dia akan merobohkan Haikal Sulaiman. Mendengar hal itu Raja Herodos II bersama pengikut-pengikutnya menujuh satu pakatan rahsia (Jamiah Khafiyah) bertujuan untuk menghancurkan agama Kristian dan pengikut-pengikutnya. Pakatan rahsia itu diketahui oleh Herodos

---

<sup>1</sup>Ibid.

<sup>2</sup>Ibid, hal. 332.

<sup>3</sup>Dr. Ali Jarisyah, *op.cit.*, hal. 260-266.

sendiri dan dinamakan "Kekuatan Tersembunyi". Kemudian pada 10hb. Ogos, 43 Masihi mereka mengadakan satu perjumpaan rahsia pertama di Istana Raja. Di dalam ucapan sulong di majlis itu ketuanya memberi ucapan, antara lain menyebut:

"Saudara-saudaraku yang dihormati, aku tidak lain melainkan raja dan penolongnya, sedangkan kamu adalah pembantu raja dan generasi yang dapat meneruskan sevoival bangsa Yahudi. Kamu semua adalah orang-orangku dan pembantu-pembantuku semenjak dahulu sampai ke hari ini. Dan sekarang kamu menjadi saudaraku, aku memanggil kamu "saudaraku" supaya kamu tahu bahawa disebalik dakwah kita ini ada bahaya. Aku berikan gelaran dan panggilan yang menarik itu untuk memberitahu kamu bahawa kamu mempunyai hati yang penuh kasih dan sayang kepada umat dan agama Yahudi. Dan hendaklah kamu tahu walaupun aku ini raja kamu, aku juga saudara kamu, dan bagi seorang saudara mesti menolong saudaranya di waktu susah dan mestilah amanah terhadap haknya dan aku memberitahu kamu tujuan dakwah kita adalah untuk kebaikan umat dan negara."<sup>1</sup>

".... Orang ramai telah mengetahui dengan kelahiran Yasok (Isa) banyak berlakunya berbagai perubahan politik, masa dan sebagainya, khususnya terhadap bangsa kita kaum bani Israel. (yasok) menyiar ajarannya yang sesat yang boleh menyesatkan orang ramai, sedangkan dia sebenarnya adalah dajjal"

Dari perjumpaan pertama dan ucapan sulong ketua gerakan "Pakatan Kekuatan Rahsia" tajaan Yahudi itu jelas menampakkan mereka ingin menjaga kebaikan bangsa dan agama Yahudi, dan sekaligus mereka menentang Nabi Isa dan pengikut-pengikutnya. Sebab itu bermula dari situ mulalah gerakan "Pakatan Kekuatan Rahsia" ini melakukan berbagai-bagai tentang dan keganasan terhadap orang-orang Kristian dan memusuhi mereka secara berterusan beberapa lama.

Mana-mana orang yang memasuki gerakan ini diwajibkan melakukan sumpah setia, lafadz sumpah setia itu ialah:

"Aku sianu bin sianu bersumpah dengan nama Allah dengan Taurat dan dengan kemuliaanku, sesungguhnya aku telah menjadi seorang anggota pengasas pakatan "Kekuatan Rahsia". Aku berjanji tidak akan mengkhianati saudara-saudaraku yang menjadi anggotanya dengan sesuatu yang memudaratkan kepe-----

<sup>1</sup>Dr. Sabir Ta'imah, *op.cit.*, hal. 54-55.

ribadiannya dan sesuatu yang membahayakan gerakan. Aku berjanji mahu mengikut prinsipnya. Dan aku berjanji berusaha menambah ramai anggotanya, juga berjanji menentang semua orang yang mengikut ajaran dajjal Yasok (Isa) dan memusuhi atau memeranginya sampai dia mati, dan aku berjanji tidak akan mendedahkan sebarang rahsia yang dirahsiakan sesama kami sembilan anggota kepada siapa jua pun, dan jika aku mengkhianati sumpah aku ini dengan mendedah sebarang rahsia maka kawan-kawanku yang berlapan lagi berhak mematikan aku (membunuh aku) dengan apa jua cara sekalipun".<sup>1</sup>

Dari ucapan sumpah ini jelas mereka ini pada mulanya hanya ada ahli seramai sembilan orang sahaja dan mereka sepakat mahu memusuhi agama Kristian.

Selepas berlaku perjumpaan pertama di atas beberapa ketika, akhirnya mereka mengadakan sebuah rumah tempat perhimpunan dinamakan "Rumah Hantu Jerussalem". Demikianlah mula terbentuknya pakatan rahsia tajaan Yahudi di awal kurun pertama Masihi.

## 2) Peringkat Kedua:

Peringkat ini bermula pada tahun 55 Masihi. Di waktu itu banyak didirikan haikal (tempat perhimpunan dan ibadat mereka) di beberapa tempat dan yang terbesar didirikan di Rome. Di waktu ini "Pakatan Kekuatan Rahsia" memain peranan penting menentang penganut-penganut Kristian dan memaksa mereka meninggal agamanya. Orang paling cergas memainkan peranan ini ialah Paul seorang Yahudi yang kuat berpegang kepada ajaran agamanya, kemudian beliau menyamar menukar dan memeluk agama Kristian bertujuan mahu merosakkan agama itu dari dalam.

Dr. Ahmad Shalabi ada menyebut bahawa Paul pada asalnya seorang Yahudi yang kuat menentang orang-orang Kristian secara terang-terang, tetapi setelah tidak berjaya merosakkan dai luar dia menggunakan cara lain pula, iaitu merosakan dari dalam.<sup>2</sup>

Setelah menyamar diri sebagai penganut Kristian beliau mengubah beberapa ajaran agama Kristian, diantaranya:

---

<sup>1</sup>Ibid., hal. 61.

<sup>2</sup>Dr. Ahmad Syalabi, *Muqaranah al-Adyan; an-Nasraniah*, Maktabah an-Nahdah, Mesir, 1976, hal. 124.

1. Menganggap dan mengatakan Nabi Isa a.s. adalah anak Tuhan.
2. Agama Kristian yang pada asalnya agama khusus untuk bani Israel dijadikan agama universal yang boleh dianuti oleh semua orang dan bangsa.
3. Menghapus syariat Nabi Isa a.s. yang mewajibkan berkhatan dan dikatakan tidak wajib. Dan lain-lain lagi.<sup>1</sup>

Di samping peranan Paul yang jahat itu, gerakan "Kekuatan Rahsia" sendiri memain peranan yang sama merosakkan agama Kristian dan pengikutnya.

Kemudian setelah datangnya agama Islam, orang-orang Yahudi meneruskan kerja-kerja jahat menentang dengan hebatnya kedua-dua agama Kristian dan Islam secara besar-besaran, termasuk ingin mengubah ayat-ayat Allah dan sebagainya. Hal ini telah dijelaskan sendiri oleh Allah di dalam al-Quran. Firman-Nya yang bermaksud:

Segolongan dari Ahli Kitab suka dan berangan-angan kiranya mereka dapat menyesatkan kamu, padahal mereka tidak akan menyesatkan melainkan diri mereka sendiri dan mereka pula tidak menyedari (akibat yang buruk itu).<sup>2</sup>

Dari sini jelas bahawa Freemason di peringkat ini lebih terkenal dengan nama "Pakatan Kekuatan Rahsia" yang peranannya membela bangsa dan agama Yahudi, serta menentang agama Kristian dan Islam termasuk pengikut-pengikutnya. Ini perlu mereka lakukan kerana kedua-dua agama itu dianggap agama saingan yang mesti ditentang habis-habisan.

### 3. Peringkat Ketiga:

Peringkat ini bermula pada tahun 1770M. apabila beberapa orang ahli Freemason menjalankan aktiviti yang lebih cergas untuk menyebarkan pengaruhnya dan cita-cita ingin mengembalikan kekuasaan kerajaan Yahudi. Di antara ahli yang cergas itu ialah Adam Weishaupt, seorang Profesor ilmu ketuhanan dari Jerman. Beliau telah keluar (murtad) dari agama Kristian dan menjadi seorang arthis. Pada tahun 1770 beliau telah diminta oleh seorang pemimpin Freemason Jerman supaya mengkaji "Protokol Pendita Zionis" dan menyusunya dalam bentuk baru dengan tujuan untuk memerangi agama Kristian

---

<sup>1</sup>Ibid., hal. 110.

<sup>2</sup>Ali 'Imran, (3):69.

dan juga meminta supaya dia membuat perancangan untuk menguasai dunia seluruhnya dengan cara menarik orang ramai menjadi athis. Akhirnya pada tahun 1776M beliau telah berjaya menulis Protokol Pendita Zionis dalam bentuk baru dan membuat beberapa perancangan jahatnya iaitu:<sup>1</sup>

- a. Merosakkan semua agama langit dan merosakan semua kerajaan yang ada.
- b. Memecah atau membahagikan bangsa-bangsa selain bangsa Yahudi kepada beberapa blok atau kelompok, dan membiarkan mereka berkelahi dan berperang di antara satu sama lain kerana perbezaan fahaman politik, ekonomi, sosial dan lain-lain.
- c. Setiap kelompok dan kumpulan bangsa di atas dibekalkan dengan senjata-senjata supaya mereka berperang, dan akhirnya mereka menjadi lemah.
- d. Di dalam sebuah negeri disebarluaskan racun perbalahan dan perselisihan sesama rakyat supaya mereka berkelahi dan berlaku huru-hara serta pemberontakan dengan tujuan satu demi satu kerajaan akan jatuh dan hancur. Dan memang banyak berlaku pemberontakan dan revolusi seperti Revolusi Francis, Russia dan lain-lain.

Selain dari itu Adam Wishaupt menyusun satu kumpulan "Kelompok Cahaya" bertujuan untuk menuju sebuah kerajaan sedunia yang dipimpin oleh golongan cerdik pandai Yahudi. Untuk itu beliau telah membuat perancangan jahat, antara lain seperti:<sup>2</sup>

1. Memperdaya pembesar-pembesar dan pemimpin dunia dengan wang, perempuan dan lain-lain lagi supaya mereka itu dapat dijadikan kuda tunggangan mereka.
2. Menguasai alat-alat media massa samada media cetak dan elektronik di seluruh dunia.

Selepas itu "Kelompok Cahaya" ini dapat menarik seorang Jeneral Amerika bernama Albert Pike turut serta dalam kumpulan ini. Selepas beberapa tahun beliau ditugaskan mengkaji perancangan yang telah dibuat oleh Adam Weissaupt kemudian beliau membuat perancangan baru, antaranya:

---

<sup>1</sup>Dr. Abdul Rahman Umairah, *op.cit.*, hal. 45-46.

<sup>2</sup>*Ibid.*, hal. 47-52.

1. Menyusun semula kedudukan "Rumah Hantu Freemason".<sup>1</sup>
2. Mengadakan tiga buah dewan tertinggi yang berpusat di bandar "Charles Town" untuk menguasai pergerakkan "Rumah Hantu".

Dengan ini gerakkan Freemason dapat memainkan peranan penting menjadikan dunia ini sebagai sebiji bola yang boleh dilemparkan ke mana-mana sahaja yang mereka suka. Apa yang mereka rancangkan di atas memang berjaya akhirnya.

Dari huraihan di atas jelaslah bahawa Freemason diketuai oleh pemimpin-pemimpin Yahudi dan mula ditubuh pada awal kurun pertama Masihi dengan nama "Kekuatan Rahsia", kemudian ditukar nama itu kepada "Kelompok Cahaya". Selepas itu dinamakan pula dengan nama "Freemason" di sekitar tahun 1770. Dan di waktu itulah mereka mula melancarkan perancangan yang lebih besar dan lebih teratur ke arah menarik orang ramai menyokong mereka bagi menjalankan cita-cita mereka ingin menegak Kerajaan Yahudi sedunia.

### **Keanggotaan Freemason Dan Sumpahnya**

Bukan semua orang dibenarkan menjadi ahli pertubuhan Freemason. Pertubuhan hanya memberar menjadi ahli orang yang merdeka (tidak hamba), baik tingkah laku, cerdik dan bijak, sanggup membela kebaikan, berkedudukan tinggi dalam masyarakat, samada di bidang politik, ekonomi atau sosial, luas ilmu pengetahuan dan dapat mempengaruhi masyarakat setempat.<sup>2</sup>

Sebelum menjadi ahli, mereka mesti bersumpah di "Rumah Hantu" merahsiakan maklumat mengenai aktiviti dan pergerakkan Freemason. Kalau rahsia itu didedah mereka akan dibunuuh. Lafaz sumpah itu berbunyi:

"Aku bersumpah dengan Tuhan Agong Pencipta Alam, bahawa aku tidak akan mengkhianati perjanjian pertubuhan dan rahsianya, samada dengan isyarat, dengan percakapan dan dengan huruf. Aku tidak akan menulis walaupun sedikit dari rahsianya dan tidak akan menyiarnya dengan melalui percetakan, ukiran dan gambar, dan aku bersetuju - jika aku melanggar sumpah - supaya dua bibir mulutku dibakar dengan besi yang sedang menyala, dan dipotong kedua belah tanganku dan dipancung tengkukku kemudian digantung mayatku di "Rumah Hantu"

---

<sup>1</sup>Rumah Hantu Freemason ialah kelab tempat ahli-ahli mereka mengadakan perhimpunan dan tempat mengangkat sumpah bagi ahli-ahli baru atau yang akan dinaikan pangkat.

<sup>2</sup>Dr. Ahmad Syalabi, *op.cit.*, hal. 334.

supaya dilihat oleh ahli lain untuk dijadikan amaran kepadanya. Selepas itu dibakar mayatku dan debunya ditabur ke udara supaya tidak tertinggal lagi kesan mayatku”<sup>1</sup>

Profesor `Iwad al-Khuri menceritakan kepada kita bagaimana seorang ahli Freemason telah menerang pengalaman ngeri yang beliau tempuhinya sewaktu mula-mula memasuki pertubuhan itu. Lelaki itu menceritakan:

“Sebelum saya masuk ke Rumah Hantu tempat bersumpah, kedua mata saya ditutup, kemudian saya di bawa masuk ke dalam sebuah bilik. Selepas itu penutup mata saya dibuang. Di situ saya dapati ada cahaya lampu yang malap. Seorang lelaki yang menjaga saya memberitahu dengan berkata, “Tunggu di sini, jangan saudara fikirkan tentang hidup lama, itu dia rangka manusia”. Dan memang berdekatan dengan saya berdiri itu ada satu rangka besar manusia. Kemudian lelaki itu menyambung lagi katanya, “Adakah saudara bersedia membeli rangka manusia itu?” Kemudian dia mengambil wang saya dan terus keluar. Lepas itu lelaki lain pula masuk dan menyinsing kaki seluar panjang saya di sebelah kiri sampai ke lutut, dan juga tangan baju saya di sebelah kanan dan membuka tengkuk serta dada saya lalu diikatkan tengkuk saya dengan tali dan menarik saya ke satu tempat lain dalam keadaan mata saya ditutup semula. Di waktu itu saya terasa sebilah pedang terhunus di letak di tengkuk saya. Kemudian saya mendengar ketua di situ berkata, “Apakah yang kamu rasa sekarang?” Saya menjawab “Seperti sebilah pedang”. Kemudian ketua itu menyambung katanya, “Fahamlah wahai pelajar bahawa pedang ini akan mengancam hidup saudara sekiranya saudara tidak bersedia menyembunyikan rahsia”.<sup>2</sup>

Melihat kepada sumpah dan ugutan yang dijelaskan di atas kita dapat mengambil kesimpulan bahawa Freemason adalah pertubuhan yang tidak ada kaitan dengan matlamat lahir yang ditonjolkan seperti untuk membela ahli, untuk kebaikan, kasihkan orang dan sebagainya, tetapi ia adalah untuk Yahudi dan mesti menyembunyikan rahsianya. Mana-mana ahli yang melanggar sumpah dan sanggup membocorkan rahsia, mereka akan dihukum dengan hukuman yang ngeri tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

---

<sup>1</sup>Dr. Ahmad Syalabi, *Muqaranah al-Adyan, al-Yahudiah*, Maktabah an-Nahdah, Mesir, 1976, hal. 334. Dr. Sabir Taimah, *op.cit.*, hal. 162-163.

<sup>2</sup>Mohammad Mahmud Sawwaf, *op.cit.*, hal. 209.

## Tingkatan Ahli-Ahli Freemason

Ahli-ahli Freemason dikategorikan kepada tiga peringkat. Ahli-ahli di peringkat pertama tidak mengetahui ahli-ahli di peringkat yang lebih tinggi. Peringkat-peringkat itu seperti berikut:<sup>1</sup>

Peringkat pertama dipanggil Freemason umum atau simbolik. Mereka terdiri daripada ahli-ahli baru dari pelbagai bangsa, agama dan kepercayaan. Anggota peringkat pertama ini dipecah kepada 33 tingkatan. Anggota dari tingkat pertama tidak akan dinaikan ke tingkat kedua, ke tiga dan seterusnya kecuali setelah dinilai pencapaiannya terlebih dahulu oleh pihak pucuk pimpinan. Mana-mana ahli yang jauh meninggal ajaran agama (tidak suka menghayati agama), kurang akhlak dan kurangnya kasih kepada negaranya serta bencikan kepada adat resam dan kebudayaan bangsanya dia dikira berjaya untuk dinaikan pangkat. Semakin jauh dan semakin benci ahli kepada perkara-perkara tersebut di atas, semakin tinggi pangkat akan dinaikan sehingga sampai ke tingkatan yang ke-33.

Peringkat kedua dipanggil Freemason Royal atau Kontrak Kerajaan. Setiap ahli di peringkat ini dipanggil "saudara". Manakala ketua Rumah Hantu dipanggil "Saudara Agong". Semua ahli di peringkat ini terdiri daripada orang-orang Yahudi.<sup>2</sup>

Pengajaran yang diberi kepada ahli peringkat ini berkisar mengenai penghormatan kepada Yahudi, pembinaan semula Haikal Sulaiman, kekuasaan orang Yahudi terhadap Palestin dan mahu menjadikannya sebagai negeri mereka. Kemudian setelah mereka berkuasa, mereka akan menguasai dunia seluruhnya.<sup>3</sup>

Peringkat ketiga dinamakan Freemason Universal yang merupakan peringkat yang paling tinggi dan semua ahlinya terdiri dari orang-orang Yahudi yang bijak pandai, yang ekstrim dan sangat taksub kepada Yahudi. Mereka terdiri dari ketua-ketua Rumah Hantu Freemason peringkat kedua di atas. Bagi mereka hanya ada satu tempat perhimpunan atau Rumah Hantu sahaja, dan sekarang ini Rumah Hantu itu terletak di New York.

---

<sup>1</sup>Dr. Ali Jarisyah, *Asalib al-Ghazwi al-Fikr Li al-Alam al-Islami*, hal. 180-181; Abdul Rahman Hanbakah, *Makayid Yahudiah 'Ibra at-Tarikh*, hal. 224-226; Dr. Ahmad Syalabi, *Muqaranah al-Adyan - al-Yahudiah*, hal. 335-336.

<sup>2</sup>Dr. Ali Jarisyah, *op.cit.*, hal. 181.

<sup>3</sup>Abdul Rahman Hanbakah, *op.cit.*, hal. 224.

Ahli-ahli peringkat tertinggi ini memain peranan mentadbir dan merancang kerja-kerja jahat di seluruh dunia dengan apa cara sekalipun supaya rakyat di negeri-negeri tertentu mencetus pemberontakan, melakukan pengkhianatan dan huru-hara. Untuk menjayakan kerja-kerja itu mereka mendapat bantuan maklumat dari ahli-ahli di peringkat pertama dan kedua di atas.

Dengan melalui ahli-ahli dari kedua-dua peringkat ini juga mereka memperolehi maklumat penting mengenai keadaan politik, sosial dan lain-lain lagi bagi sesebuah negara khususnya negara yang rakyatnya selalu bersengketa di antara satu golongan dengan satu golongan yang lain. Maklumat ini penting kepada mereka bagi memudahkan mereka melaga-lagakan di antara sesama rakyat sesebuah negara dengan harapan negara itu selalu berada dalam huru-hara dan tidak aman.

Demikianlah kedudukan ahli-ahli di ketiga-tiga peringkat di dalam pertubuhan Freemason yang dikawal dan disusun rapi oleh pihak pemimpin mereka demi untuk mencapai matlamat besarnya.

Perlu disebutkan di sini bahawa setiap orang yang akan diterima untuk menjadi ahli Freemason pada ketiga-tiga peringkat di atas mestilah mendapat sokongan terlebih dahulu oleh dua orang ahli lama dan berjaya dalam ujian pemilihan yang dilakukan oleh pihak pemimpin mereka.

### Pandangan Ulama Islam Mengenai Freemason

Telah diterangkan sebelum ini dengan panjang lebar bahawa Freemason adalah satu pertubuhan sulit Yahudi ditubuh bertujuan untuk menguasai dunia dan menarik bangsa-bangsa lain menyokong mereka dan menolak sebarang agama selain agama Yahudi. Oleh itu pihak gereja Katholik umpamanya telah mengeluarkan kenyataan mengharam dan menegah penganutnya dari menyertai pertubuhan sulit Yahudi. Kemudian pada tahun 1964M pihak kerajaan Mesir memerintah menutup semua "Rumah Hantu" Freemason yang ada di Mesir ketika itu.<sup>1</sup>

Ramai ulama Islam menganggap Freemason satu pertubuhan sulit Yahudi yang mahu merosakkan aqidah dan pegangan umat Islam, kerana itu mereka telah membuat kajian secara terperinci mengenainya dan akhirnya mengeluarkan fatwa mengharamkan orang Islam menjadi ahli Freemason dan dikira murtad. Di bawah ini dipetik beberapa pendapat dan keptusan yang dibuat oleh ulama-ulama dan pertubuhan-pertubuhan Islam di seluruh dunia.

---

<sup>1</sup>Dr. Ahmad Syalabi, *op.cit.*, hal. 336.

## **1. Pendapat Muktamar Islam Sedunia:**

Muktamar Islam sedunia yang diadakan di mekah Mukarramah pada tahun 1394 H bersamaan 1974M., telah mengeluarkan satu keputusan mengenai Freemason dan Kelab Rotary Yahudi. Keputusan itu berbunyi:<sup>1</sup>

"Freemason adalah pertubuhan rahsia Yahudi yang mempunyai hubungan erat dengan Zionis Antarabangsa, bergerak untuk berkhidmat kepadanya, dan berselindung di sebalik slogan atau semboyan penipuan seperti kebebasan, persaudaraan, persamaan dan lain-lain lagi yang dengannya ramai orang Islam termasuk pemimpin, pembesar dan bijak pandai telah terperangkap kepadanya. Kerana itu pertubuhan Islam (dan orang Islam) mesti mengambil sikap seperti berikut terhadap gerakan-gerakan sulit Yahudi itu:

1. Setiap orang Islam - yang telah menjadi ahli - mestilah keluar segera dari pertubuhan itu.
2. Diharam mencalon atau memilih mana-mana orang Islam yang menjadi ahli Freemason (atau Kelab Rotary, Kelab Lions) untuk dicalonkan bagi memegang sebarang jawatan dalam amal Islam.
3. Wajib bagi sebuah negara Islam menegah dan menghalang gerakan tersebut dari menjalankan aktiviti di negeri masing-masing dan hendaklah ditutup sebarang tempat atau pejabat mereka serta Rumah Hantunya.
4. Jangan dilantik memegang sebarang jawatan bagi sesiapa yang menjadi ahli tersebut.
5. Hendaklah didedahkan kepada umum tentang pertubuhan tersebut dengan sejelas-jelasnya melalui buku-buku atau risalah-risalah yang dijual dengan harga yang murah (atau diberi percuma).

## **2. Pendapat Imam Asykhbar al-Yamani:**

Imam Asykhbar al-Yamani berpendapat orang-orang Islam yang menyertai pertubuhan Freemason, Kelab Rotary dan kelab Lions dianggap orang-orang

---

<sup>1</sup> *Ibid*, hal. 249-348.

yang menentang agama Islam. Oleh itu mereka tergolong di bawah erti kata orang-orang Islam yang meringan-ringankan (atau memperkecil-kecilkan) Islam, mereka dihukum sebagai orang murtad.

Beliau juga berpendapat orang-orang Islam yang bergabung dengan Freemason dan kelab-kelab di bawahnya wajib bertaubat dan keluar daripadanya serta menjauhkan diri dari kelab-kelab itu setelah mereka dapat tahu hakikat dan kedudukan kelab-kelab pertubuhan Freemason (dan kelab-kelab di bawahnya) yang merbahaya kepada agama Islam dan umatnya. Kemudian pendapat beliau ini disokong pula oleh Mufti Hadhra- Maut, as-Syed Abdul Rahman al-Masyhur.<sup>1</sup>

### **3. Pendapat Rabitah al-Alam al-Islamiah:**

Pihak Rabitah al-Alam al-Islami Mekah Mukarramah juga mengeluarkan pendapat bahawa orang-orang Islam yang menyertai pertubuhan-pertubuhan tersebut wajib meninggalkannya setelah dia mengetahui hakikat dan tujuan musuh itu. Sesiapa yang menolong atau menghulurkan bantuan samada untuk mencari kepentingan diri atau lain-lain tujuan, dia dianggap murtad.<sup>2</sup>

### **4. Fatwa Ulama-ulama Mekah:**

Majlis Fatwa Ulama-ulama Mekah mengeluarkan fatwa bahawa Freemason dan kelab-kelab di bawahnya adalah merupakan pergerakan yang merbahaya, berusaha untuk menghancurkan Islam dan umatnya. Sesiapa yang menyertai pertubuhan ini setelah mengetahui hakikat dan matlamatnya dia dihukum kafir.<sup>3</sup>

### **5. Fatwa Ulama Azhar:**

Asy-Syeikh `Atiah Saqar seorang anggota Lujnah Fatwa al-Azhar dan asy-Syeikh Muhammad al-Ghazali berpendapat bahawa Freemason dan kelab-kelab di bawahnya telah menipu orang-orang Islam yang lemah aqidahnya. Mereka menganjurkan majlis-majlis pelbagai bentuk untuk melalaikan umat

---

<sup>1</sup> Dipetik dari Dato' Sri Utama Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, Fatwa Mufti Kerajaan Brunei, Fatwa Berturut-turut, bilangan 55, Pejabat Mufti Kementerian Hal Ehwal Agama Brunei, hal. 77-78.

<sup>2</sup> Ibid, hal. 85.

<sup>3</sup> Abu Islam Muhammad Abdullah, *al-Masuniah Fi al-Mantiqah*, (245), hal. 176.

Islam terhadap aqidah mereka. Oleh yang demikian, orang-orang Islam tidak sewajarnya menyertai Freemason dan kelab-kelab di bawahnya kerana ia boleh membawa kepada murtad.<sup>1</sup>

#### 6. Pendapat Mufti Brunei:

Mufti Brunei Pahin Datu Seri Maharaja Datuk Seri Utama Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz berpendapat orang-orang Islam yang menjadi anggota Feemason, Kelab Rotary, Kelab Lion, Jehoba's Witnessess, Brother Of Lobery (Kebebasan Saudara). Moral Armament Movements (Pergerakan Moral Senjata) dengan rela hatinya, setelah mereka mengetahui hakikat pergerakan Freemason dan kelab-kelabnya serta usaha-usahanya yang jahat terhadap agama dan umat Islam, mereka dianggap murtad.<sup>2</sup>

Dari pendapat-pendapat ulama dan pertubuhan-pertubuhan Islam di atas jelaslah bahawa sesiapa sahaja orang Islam yang memasuki pertubuhan Freemason dan mana-mana satu dari kelab-kelab yang di bawah pertubuhan Freemason setelah dia mengetahui hakikat sebenar pertubuhan dan kelab-kelab tersebut maka dia dianggap murtad, dan diminta supaya segera keluar daripadanya dan segera bertaubat. Bagi sarjana atau bijak pandai Islam yang mengetahui hakikat pertubuhan tersebut diminta supaya menulis risalah-risalah atau buku-buku mendedahkan kepada umum tentang gerakan dan pertubuhan sulit tajaan Yahudi itu serta menasihat mereka menjauhkan diri dari mendekatinya.

#### Penutup

Berdasarkan kepada fakta-fakta yang penulis bentangkan, jelas membuktikan bahawa pertubuhan Freemason adalah salah satu pertubuhan sulit Yahudi yang telah tersebar di seluruh dunia Islam dan bukan Islam untuk menarik seberapa ramai yang boleh pembesar-pembesar dan pemimpin-pemimpin negara berkenaan supaya ikut menjadi ahli. Dengan menonjolkan matlamat lahiriah seperti mahu membela ahli-ahli, menolong orang-orang yang memerlukan kepada pertolongan dan bantuan, memperjuangkan kebebasan, persaudaraan dan persamaan dan sebagainya, sedangkan yang sebenarnya pertubuhan ini bertujuan ingin mengembalikan kekuasaan dan kerajaan Yahudi di seluruh dunia. Kerana itu pertubuhan ini mempunyai berbagai-bagai lambang rahsia yang tidak diketahui oleh seseorang melainkan ahlinya sahaja.

Pengajaran-pengajaran yang diterapkan kepada ahli-ahli Freemason adalah diambil dari ajaran kitab Talmud dan Protokol Pendita Yahudi yang

---

<sup>1</sup>*Ibid*, hal. 172-173.

<sup>2</sup>Dato' Sri Utama Haji Ismail Bin Umar Abdul Aziz, *op.cit.*, hal. 68.

pada umumnya mengagongkan bangsa Yahudi dan menurunkan taraf manusia lain sebagai binatang yang dijadikan untuk menjadi hamba abdi mereka sepanjang masa. Juga menolak secara total semua agama termasuk agama Islam, kerana agama dianggap sebagai khayalan manusia semata-mata.

Freemason yang dianggap sebagai perangkap samar yang dipasang oleh pemimpin-pemimpin Yahudi untuk memerangkap musuh-musuhnya dikira telah berjaya, dan ramai orang telah termasuk ke dalam perangkap tersebut. Sehingga ada orang-orang Islam dan Kristian yang rela menjadi alat mereka untuk merosak agamanya sendiri.

Umat Islam perlu sedar tentang bahaya pertubuhan Freemason dan perutubuhan-pertubuhan kecil yang berselindung di bawahnya. Jauhilah diri dari pertubuhan tersebut. Para ulama dan bijak pandai Islam perlu menjelaskan hakikat Freemason dan pertubuhan-pertubuhan kecil di bawahnya kepada seluruh umat Islam supaya mereka mengetahuinya dengan sejelas-jelas mungkin dan tahu hukum Islam terhadapnya. Dengan itu mereka akan menjauhkan diri daripadanya. Dengan itu mereka akan terselamat tidak terjatuh menjadi murtad dan sebagainya.